



Penyata Rasmi

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

Pada

8 SEPTEMBER 2016

Disediakan oleh

**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

Daripada

*Jurutulis Dewan Negeri
Johor Darul Ta'zim*

**MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
HARI KHAMIS, 8 SEPTEMBER 2016		
1.	Kehadiran.	1 - 5
2.	Doa.	6
3.	Pemasyhuran daripada Yang Berhormat Speaker	6
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat	7
5.	Soalan-Soalan Lisan	7 - 22
6.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2016	24 - 26
7.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) Tahun 2016	26 - 37
8.	Penangguhan	37
9.	Pegawai-Pegawai Bertugas	38

~~~~~ *Dewan Negeri Johor* ~~~~~

**PENYATA RASMI**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**  
**DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KHAMIS**

**08 SEPTEMBER 2016**

**BIL. 12 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi @ Nor Sebandi, DPSM, DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA  
UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., DMIJ., PIS.



**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini, kita akan menyambung Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang kita sedia maklum, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim baru sahaja menjalani prosedur angioplasty. Saya dan seluruh Ahli Dewan Negeri Johor mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku terus dilimpahi kesejahteraan dan kesihatan yang baik dan sentiasa dalam perlindungan serta keredaan Allah SWT.

Dewan seterusnya merakamkan ucapan Selamat Menunaikan Fardu Haji kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor dan paduka anakanda-anakanda serta rombongan yang mengiringi dan berdoa semoga segala urusan dipermudahkan dan mendapat haji yang mabrur.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita baru sahaja meraikan sambutan Hari Kebangsaan Ke-59 pada 31 Ogos 2016 yang lalu. Semoga kemerdekaan negara terus dapat dikekalkan dan rakyat berbilang kaum dapat hidup bersama menjalin muafakat membentuk negara yang lebih maju, aman dan makmur.

Sukacita juga dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, telah berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara kepada Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda pada 4 Jun 2016 yang membawa gelaran Datuk. Tahniah Yang Berhormat Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita juga dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' G. Pasamanickam A/L Ganapathy yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Anam mulai 10 Mei 1969 hingga 17 Julai 1978 telah meninggal dunia pada 2 Mei 2016 yang lalu.

Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan takziah kepada balu dan keluarga mendiang. Dan marilah kita berdiri dan bertafakur sebagai penghormatan terhadap khidmat mendiang semasa menjadi Ahli Dewan Negeri Johor.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**YAB Menteri Besar** : Saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 11 hingga 14 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2016 – Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2016 – Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2016 – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 dan Penyata Memorandum mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Siri 1 Tahun 2015.

Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2016 – Laporan Tahunan Johor Corporation Bagi Tahun 2015.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2016 – Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 16 dan 17 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2016 – Penyata Kewangan Majlis Daerah Labis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014.

Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2016 – Ketetapan Dewan Negeri Bagi Memberi Kuasa kepada YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dalam Hal Pelantikan Anggota Tribunal Pengurusan Strata, di bawah Seksyen 103 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

Dan bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2016 – Penyata Kewangan Perbadanan Taman Negara (Johor) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker** : Yang Berhormat Serom jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Apakah kedudukan pencapaian Kerajaan Negeri terhadap pembangunan dan kemajuan negeri Johor secara keseluruhan sehingga kini.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya harus menyatakan bahawa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serom walaupun baik dan penting sebagai satu semakan prestasi semasa kerajaan negeri, namun ia masih bersifat terlalu umum dan amat luas pencakupannya. Jadi, bagi memastikan kita mendapat gambaran yang sebenar dan lengkap, saya akan meletakkan beberapa konteks dan rujukan khusus dalam menjawab soalan tersebut. Jadi mengambil masa sedikit, agar kita semua boleh menilai kedudukan pencapaian kerajaan negeri dalam pembangunan dan kemajuan sehingga ini dengan berfokuskan berobjektif.

Pertama sekali, saya akan membentangkan pencapaian dan kemajuan kita yang bersandarkan kepada pencapaian yang bersifat kuantitatif, iaitu pencapaian dan kemajuan yang sering kita ukur dan nilai berdasarkan kepada rujukan-rujukan indikator mikro sesebuah ekonomi.

Saya mulakan dengan yang pertama, keluaran dalam negara kasar atau KDNK iaitu ukuran utama keaktifan sesebuah ekonomi. Secara puratanya, Johor telah mencatat pertumbuhan KDNK pada harga malar sebanyak 6.1% untuk tempoh 2011 hingga 2014. Bacaan ini adalah 0.7 mata peratusan lebih tinggi berbanding bacaan peringkat nasional yang hanya mencatatkan 5.40%. Peratusan ini bukan sahaja selari dengan sasaran yang kita tetapkan, malah berjaya dicapai meskipun iklim ekonomi serantau dan dunia kelihatan semakin mencabar sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ia sebenarnya harus dibanggakan kerana pertumbuhan ekonomi Johor merupakan di antara yang terbaik berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. (Dewan bertepuk).

Kedua, jumlah pelaburan yang masuk ke negeri Johor. Negeri Johor bermula daripada tahun 2013 telah menduduki tempat pertama sebagai penerima tertinggi pelaburan dalam sektor pembuatan. Jika di congak daripada tahun 2010 sehingga 2015, kita telah berjaya membawa masuk hampir RM86.3 bilion dalam tempoh 6 tahun terakhir ini, jauh meninggalkan negeri-negeri seperti Selangor dan Pulau Pinang. (Dewan bertepuk). Manakala pelaburan terkumpul termasuk sektor perkhidmatan di Iskandar Malaysia sahaja mencecah RM208 bilion dan 51% dari jumlah ini telah pun direalisasikan.

Ketiga, kedudukan dan disiplin fiskal. Saya ingin menegaskan bahawa sejak tahun 2013 sehingga 2015, kita telah berjaya mencatatkan lebih dalam pengurusan kewangan secara konsisten. Hasil kerajaan negeri pada tahun 2015 misalnya, adalah sebanyak RM1.549 bilion iaitu 25% melebihi anggaran asal berjumlah RM1.239 bilion. Dan sehingga 31 Disember 2015, rizab kita pula adalah sebanyak RM2.63 bilion. Pencapaian ini penting untuk ditonjolkan kerana dalam bahasa yang mudah difahami, ia menunjukkan keupayaan kita merancang dan mengawal kedudukan kewangan negeri dengan baik.

Keempat, peningkatan pendapatan isi rumah. Jika dilihat dalam laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Pendapatan isi rumah bulanan penengah negeri Johor telah meningkat sebanyak 42.3% kepada RM5,197.00 pada tahun 2014 berbanding RM3,650.00 pada tahun 2012. Ia merupakan pertumbuhan kedua tertinggi peringkat nasional. Ini bermakna secara umumnya, segala peningkatan dalam aspek ekonomi yang dicatatkan di pihak kerajaan negeri, turut mempengaruhi dan memberi penambahan kepada jumlah perolehan bagi rakyat Johor.

Kelima, peningkatan dalam industri perkhidmatan. Dalam sektor perkhidmatan pula, Johor terus menjadi pilihan industri kreatif dan multimedia terus mendapat lonjakan melalui pembinaan Pinewood Iskandar Malaysia Studios. Manakala sektor pelancongan pula, hasil daripada Pelan Induk Pelancongan Johor yang dimulakan pada Jun 2014, telah menyaksikan peningkatan tertinggi kadar kemasukan pelancong di Malaysia. Iaitu peningkatan daripada 6.42 juta pelancong kepada 6.95 juta pelancong pada tahun 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya beralih kepada bahagian yang kedua, iaitu pembentangan kedudukan dan pencapaian kemajuan negeri Johor yang bersifat kualitatif, yang tidak berdasarkan kepada perolehan berbentuk kewangan ataupun material. Saya percaya kedudukan dan pencapaian dalam aspek ini sebenarnya jauh lebih penting dan kritikal. Ini kerana bacaan yang baik dan tinggi dalam segala peratusan perolehan ekonomi dan kedudukan kewangan kerajaan negeri tidak akan mempunyai makna yang besar sekiranya aspek kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat tidak menerima manfaat yang sewajarnya.

Justeru saya akan mengulas secara khusus tentang ikhtiar-ikhtiar dan pencapaian yang menjurus kepada penokokan kualiti kesejahteraan hidup sama ada secara individu, keluarga atau masyarakat secara keseluruhannya.

Pertama, pengurangan berterusan kadar kemiskinan. Melalui garis kemiskinan yang baru iaitu RM930.00, 2 negeri di Malaysia iaitu Putrajaya, kalau nak diangkat sebagai negeri dan negeri Johor telah mencatatkan pengurangan kadar kemiskinan yang baik iaitu menghampiri kadar sifar pada tahun 2014, Satu-satunya negeri dengan insiden kemiskinan sifar selain dari Wilayah Persekutuan Putrajaya, berbanding 0.9% pada tahun 2012. Negeri Johor, mencatatkan kadar pengurangan kemiskinan yang terbanyak pada kadar 97% bagi tempoh dari tahun 2012 sehingga 2014 iaitu daripada 7,000 isi rumah kepada hanya 200.

Berdasarkan data setakat 2014, negeri Johor mencatatkan perkali gini yang mengukur kesamaan agihan pendapatan pada kadar yang rendah iaitu 0.32 iaitu kedua terendah selepas Melaka berbanding 0.39 pada tahun 2009. Ini menunjukkan bahawa jurang agihan pendapatan bagi seluruh penduduk negeri Johor semakin mengecil dan lebih baik daripada kebanyakan negeri di Malaysia.

Kedua, pembangunan modal insan dan peluang pekerjaan. Dari tahun 2011 hingga 2015, Johor secara keseluruhannya telah mewujudkan kira-kira 125,300 peluang pekerjaan baru dalam pelbagai sektor. Jika dilihat secara khusus mengikut bidang, sektor pembuatan sahaja secara puratanya telah mewujudkan hampir 20,000 peluang

pekerjaan dengan 92% daripada jumlah tersebut adalah pekerjaan bagi pekerja berkemahiran tinggi dan separuh mahir.

Perkara ini seterusnya telah menyumbang kepada peningkatan dalam menengah upah dan gaji yang diterima oleh rakyat Johor yang telah meningkat kepada RM1,900.00 pada tahun 2015 iaitu kedua tertinggi selepas Lembah Klang.

Berbandingkan data tahun 2015, daripada 1.63 juta tenaga buruh yang ada di negeri ini, kadar pengangguran berada pada tahap 3.1% iaitu pada kadar yang sama di peringkat nasional. Dan, ini adalah disebabkan peratusan kadar penyertaan tenaga buruh yang tinggi iaitu 67% berbanding 67.7% di peringkat nasional.

Ketiga, peningkatan aspek kualiti dan kesejahteraan hidup. Aspek ini merujuk kepada ukuran secara keseluruhan kombinasi pelbagai aspek kesejahteraan hidup seperti kadar jenayah dan keselamatan awam, alam sekitar yang baik, keberkesanan pengangkutan awam, kemudahan saluran komunikasi serta kecekapan pengagihan pendapatan. Kajian indeks kesejahteraan rakyat mengikut negeri yang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri melaporkan bahawa Johor secara keseluruhannya merupakan negeri kedua tertinggi skor dan pencapaiannya selepas Selangor. Malah, Johor menunjukkan peningkatan skor yang ketara dan konsisten semenjak tahun 2000 sehingga 2015.

Secara khususnya pula, kadar jenayah dan keselamatan Johor terus mencatatkan penambahbaikan. Indeks jenayah mencatatkan penurunan sebanyak 36% bagi tahun 2015 dengan 13,480 kes berbanding 20,970 kes pada tahun 2011. Manakala aspek pengangkutan awam dan komunikasi Johor juga menyaksikan pencapaian yang amat ketara. Sehingga kini, kita telah memperkenalkan perkhidmatan bas percuma, Muafakat Johor bermula April 2016 di 15 laluan yang melibatkan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Majlis Perbandaran Kulai. Malah, 6 dari 10 laluan baru yang merentasi 3 daerah utama iaitu Mersing, Segamat dan Kota Tinggi telah mula beroperasi di bawah jenama TransJohor.

Keempat, Intervensi kerajaan dalam aspek kemudahan asas kehidupan. Aspek ini merujuk kepada pelbagai sudut kesejahteraan sosial yang penting seperti keupayaan masyarakat untuk memiliki rumah kediaman sendiri, akses kepada pendidikan yang mudah, prasarana awam yang lebih selesa serta perkhidmatan penjagaan kesihatan yang baik.

Dalam konteks rumah mampu milik sahaja terdapat 11 tindakan dan pencapaian utama yang telah dicatatkan oleh kerajaan negeri sejak 14 Mei 2013 hingga Jun 2016. Ini termasuklah memperkenalkan dasar perumahan rumah mampu milik Johor dengan penstrukturan semula kategori yang bertujuan memastikan sebilangan harga rumah di Johor adalah mengikut kemampuan rakyat dan meningkatkan komitmen penawaran RMMJ sehingga tahun 2019/2020 kepada 60,000 buah rumah. Angka ini telah disemak sebanyak 4 kali selaras dengan jumlah permohonan pembelian RMMJ yang kini mencecah 87,163 sejak tahun 2010.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Kelima, Pengurangan kesenjangan sosial. Dalam aspek ini terdapat beberapa jurang sosial yang telah dan sedang kita betulkan. Ini bagi memastikan yang kesenjangan sosial di Johor dapat dihapuskan atau setidak-tidaknya dirapatkan. Misalnya, merapatkan jurang antara luar bandar dan bandar. Dalam usaha ini, kita telah menaik taraf jalan di Tanjung Leman ke Kampung Sedili Besar sebanyak 24.6 kilometer. Melebarkan Lebuhraya Pasir Gudang kepada 4 lorong, memanjangkan rangkaian jalan-jalan kampung dengan jumlah keseluruhan sehingga 96.39 kilometer dan sepanjang 642 kilometer jalan kampung telah dilebarkan daripada 3.5 meter kepada 4.5 meter. Setakat ini kerajaan negeri juga telah menambah peruntukan membaik pulih jalan kampung daripada RM30 juta kepada RM50 juta. Lebih membanggakan, Johor merupakan negeri pertama di Malaysia yang mempunyai sistem pemetaan digital jalan kampung yang meliputi 4,000 kilometer jalan kampung. Dan, dalam konteks memperkasa kehidupan bandar dan luar bandar ini juga, kerajaan negeri turut memberi perhatian serius terhadap pembasmian kawasan penempatan setinggan. Sehingga kini, sebanyak 4,137 daripada 9,421 kes penempatan setinggan dan yang lain-lain telah diselesaikan.

Seterusnya, adalah merapatkan jurang pendapatan dan taraf hidup bagi mengatasi perkara ini antara inisiatif yang telah diambil adalah dengan memperkenalkan Program Rebat Air. Program ini telah berjaya memberi manfaat kepada 2,873 keluarga miskin, miskin tegar dan komuniti Orang Asli.

Selain daripada itu, kita juga amat prihatin dengan perbezaan kapasiti dan kedudukan sosial masyarakat kita yang saling berbeza latar belakang. Oleh itu, salah satu lagi jurang yang kita rapatkan adalah jurang daya saing. Dalam perkara ini beberapa pencapaian yang telah kita catatkan adalah naik taraf gerai, pasar awam melalui ke semua PBT di 40 lokasi dalam negeri. Memperkenalkan 7 program di bawah kursus peningkatan pendapatan masyarakat Orang Asli termasuk memberi tuisyen percuma kepada kira-kira 163 orang pelajar Orang Asli di sekitar Pasir Gudang. Memperkenalkan pelbagai latihan kemahiran dan penghakupayaan kepada kira-kira 3,581 ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah sejak Januari 2015 sehingga Jun 2016. Mewujudkan Unit Penempatan OKU dan sehingga kini seramai 98 OKU telah mendapat pekerjaan dengan gaji minimum yang sama dengan pekerja bukan OKU.

Dalam konteks jurang pendidikan pula, perbezaan antara sekolah harian biasa dan sekolah agama di Johor juga sedang diperbetulkan. Perkara ini dilakukan dengan beberapa pendekatan seperti memantapkan prasarana sekolah agama, pengukuhan kesihatan dan bantuan pelajar serta pemantapan skim imbuhan kepada tenaga pengajar. Setakat ini, melalui program bantuan makanan sihat seramai 12,421 pelajar sekolah rendah agama di seluruh Johor mendapat manfaat daripada bekalan makanan yang berkhasiat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekiranya saya perlu menyenaraikan satu persatu pencapaian dan kemajuan kita selama ini, saya kira Dewan kita ini tidak akan habis bersidang. Namun, cukuplah sekiranya saya rumuskan bahawa secara keseluruhannya sehingga akhir Disember 2015, sebanyak 163 inisiatif yang diumumkan dalam Pelan Suara Hati Johor telah mula di laksana dan dilengkapkan. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Terima kasih. Serom.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terutama sekali terima kasih kepada Yang Amat Berhormat telah memberikan penerangan bagi soalan saya, yang begitu *comprehensive*, dengan izin. Saya tertarik dengan pencapaian inisiatif yang terakhir 163 inisiatif yang dibuat. Saya pasti, kita pasti bahawa dalam mencapai kejayaan-kejayaan ini, ia memerlukan kerjasama dan menghadapi pelbagai cabaran. Soalan saya, apakah harapan Yang Amat Berhormat dalam soal untuk mencapai kejayaan dari segi kerjasama seluruh rakyat Malaysia. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YAB Menteri Besar** : Terima kasih Yang Berhormat, kalau saya dapat dengar dengan tepat, sememangnya kita mengharapkan supaya terus mendapat kerjasama dan sokongan daripada setiap dan seluruh lapisan masyarakat yang terdapat di negeri Johor pada hari ini, kerana apa yang telah saya bantah dan berikan sebagai jawapan dalam Dewan yang mulia ini, ialah bahawa apa sahaja yang telah dinyatakan itu, saya ingin nyatakan bahawa kita tidak akan berhenti setakat itu, atas sebab itulah kita memerlukan sokongan dan kerjasama sepenuhnya daripada setiap lapisan masyarakat dan rakyat. Terdapat berbagai lagi program dan pelan yang sedang diusahakan bagi kita meningkat dan menambah baik segala pencapaian dan kemajuan negeri Johor khususnya dalam merealisasikan impian kita untuk menjadi kuasa ekonomi baru dalam negara ini. Dan ini termasuklah yang terakhir, apabila kita membentangkan, apabila kita membentangkan pelan pertumbuhan strategik negeri Johor yang bukan sahaja akan memberi lonjakan kepada pertumbuhan ekonomi negeri kita malah akan memastikan pembangunan dan kemajuan negeri Johor itu seimbang, adil dan terancang berteraskan potensi dan kekuatan sesuatu kawasan. Dan yang lebih penting, melalui pelan ini juga, kita sebenarnya sedang meningkatkan keupayaan untuk berhadapan dengan ketidakpastian ekonomi semasa. Jadi, harapan saya, dengan segala perkongsian berhubung kedudukan pencapaian dan kemajuan Johor setakat ini bukan sahaja persoalan daripada Yang Berhormat Serom terjawab tetapi juga saya ambil kesempatan untuk menyeru semua pihak supaya untuk terus memberikan sokongan, kritikan yang membina, kerjasama yang baik agar kita semua akan dapat terus memberikan yang terbaik untuk negeri Johor. (Dewan bertepuk).

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Memandangkan bekalan air adalah asas bukan sahaja keperluan, keperluan seharian tapi juga asas ekonomi kita, tetapi baru ini kita mengalami bekalan air terputus bukan sahaja di Iskandar Malaysia, termasuk juga rumah Menteri Besar, kediaman Menteri Besar pada bulan Julai sehingga sekarang Kluang dan kawasan Johor pertengahan pun menghadapi masalah yang sama.

Dulu kita cadangkan supaya Empangan Bekok diwartakan sebagai kawasan tadahan air. Itu sebab masalah bekalan air telah di selesai di kawasan Batu Pahat, Yong Peng dan juga Machap dan Simpang Renggam disebabkan Empangan Machap juga diwartakan sebagai kawasan tadahan air.

Adakah kerajaan mempunyai sebarang *master plan* atau pelan hala tuju jangka masa panjang untuk menyelesaikan masalah pencemaran air sungai dan juga mewartakan empangan-empangan seperti Empangan Sembrong sebagai kawasan tadahan air?

**YB Speaker :** Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang dah jangka soalan itu akan dibangkitkan kerana memang tak susah untuk agak Yang Berhormat ni semua daripada pembangkang. Kita sebenarnya di Johor ini untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita memang ada Kajian Sumber Air Negeri Johor untuk tahun 2010 - 2060 yang bertujuan untuk merancang dan memastikan bekalan air mentah di Johor ini ianya mampan dan berterusan melalui kepelbagaian sumber sehingga tahun 2060. Kajian ini telah pun siap. Ia sedang dimantapkan bagi kita membolehkan segala aspek diambil kira dalam memastikan keseimbangan penggunaan air dari pelbagai sumber.

Jadi, untuk bajet tahun hadapan kita akan mula untuk melaksanakan apa yang terhasil daripada kajian tersebut supaya kita dapat beri perhatian, supaya kita tidak berhadapan dengan masalah jangka panjang. Tetapi saya juga ingin ambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada semua bahawa kejayaan kita melakukan itu semua bergantung kepada beberapa perkara :

1. Kerjasama yang rapat dengan kerajaan pusat. Sebab peruntukan sewajarnya dikeluarkan oleh kerajaan pusat. Kita semua dah siap. Semua pelan semua dah siap. Kita memerlukan kerjasama yang rapat dengan kerajaan pusat untuk membenarkan dan melaksanakan projek-projek tersebut.
2. Kita juga perlu mohon kerjasama dengan masyarakat dan rakyat supaya mereka lihat air ini sebagai satu perkara yang sangat sensitif dan sangat mustahak, maka itu memerlukan masyarakat untuk mengubah cara dan pendekatan mereka menggunakan air. Air adalah sesuatu yang sangat bernilai dan berharga. Ia tak boleh guna *treated*, air bersih untuk basuh kereta, siram pokok apa semua, kita perlu juga mengajar masyarakat kita untuk berjimat dan menggunakan air sebagaimana kalau kita lihat di setengah-setengah negara yang lain. Jika demikian, maka sudah tentulah kita akan pastikan bekalan air dan masalah air kita tidak seperti yang kita lalui baru-baru ini. Terima kasih.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apa ni telah memberi satu penjelasan yang agak panjang berkenaan dengan pencapaian Kerajaan Negeri. Tetapi, apa yang saya dengar ini, setakat ini hanya pada pencapaian hanya apa yang dinyatakan oleh Menteri Besar hanya setakat pada 2015. Dan, baru-baru ini kita mendengar kenyataan daripada Menteri Persekutuan khususnya Menteri Pelancongan, Dato' Seri Nazri yang telah mengeluarkan kenyataan bahawa pendapatan Kerajaan pusat, Persekutuan telah apa ni, jatuh dengan drastik mengakibatkan Kementerian Pelancongan memerlukan, mengenakan cukai ke atas apa ni, mereka yang tinggal di hotel-hotel untuk apa ni, membolehkan kementerian tersebut, apa ni, merancang program



mereka. Ini satu, *I think* bukan satu *isolating cases* tau, ini bukan hanya pendapatan kerajaan pusat bukan hanya ada *impact* kepada kementerian pelancongan saja...

**YB Speaker** : YB, ini masalah Kerajaan Pusat...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini mungkin, biasa saya terangkan. Ini ada satu *impact* kepada semua...

**YB Speaker** : YB, dengar saya...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : ... kepada semua...

**YB Speaker** : Ini...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Kepada semua kementerian khususnya Kerajaan Negeri Johor juga yang...

**YB Speaker** : YB, nak soal apa yang dibangkitkan oleh...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini saya masuk pertanyaannya. Apakah perancangan atau strategi kerajaan Negeri Johor? Nampaknya kerajaan pusat pendapatan mereka telah turun, telah jatuh dengan banyak dan kita tahu kebanyakan peruntukan untuk pembangunan di Negeri Johor adalah daripada kerajaan pusat. Maka, apakah perancangan atau strategi kerajaan negeri Johor untuk menangani masalah sekiranya peruntukan yang diberikan daripada kerajaan pusat kepada kerajaan negeri Johor berkurangan? Ini apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor? Ini soalan saya. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Speaker** : (Ketawa). Ok, ok. Jemput.

**YAB Menteri Besar** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat daripada Jementah. Pertama, saya memang tak boleh nak jawab bagi pihak Kerajaan Pusat. Itu sewajarnya perlu dikemukakan kepada menteri yang berkenaan. Tapi, walau apa pun, sebagaimana yang kita sedia maklum, saya pun dah nyatakan tadi, bahawa kita berhadapan dengan keadaan yang tidak berketentuan. Memanglah ini menjejaskan banyak pihak termasuk kutipan-kutipan hasil yang didapati, yang dikutip oleh kerajaan pusat dan mungkin juga kerajaan negeri tetapi saya ingin memberi jaminan bahawa dari segi negeri, Insya-Allah kita masih lagi, kita bersyukur kita masih lagi boleh mengutip, menerima sumber sebagaimana yang kita anggarkan dalam bajet yang lepas. Jadi, itu yang pertama.

Kedua, saya juga percaya Yang Berhormat pun faham bahawa pendapatan pusat dan negeri berbeza. Kita ada pendapatan-pendapatan kita yang kita kutip daripada hasil cukai tanah dan sebagainya, dan juga sumber air dan sebagainya. Dan ia berbeza dengan sumber kerajaan pusat. Jadi, atas sebab itu, kalau ikut perancangan kita dan ikut anggaran kita, kita di Johor dari segi perbelanjaan dan perjalanan kerajaan negeri, kita tidak terjejas sangat sebagaimana yang dihadapi oleh kerajaan pusat. Jadi apa saja program yang telah kita rangka di bawah bidang kuasa kita, kita akan teruskan. Kita tak akan naikkan apa-apa kadar misalnya saya dah beri jaminan,

saya dah beritahu banyak kali, saya tak akan naikkan harga Rumah Mampu Milik Johor seperti negeri Selangor. (Dewan bertepuk).

Jadi, dari segi negeri, saya beri jaminan kita akan teruskan perbelanjaan dan juga pengurusan pentadbiran kerajaan negeri seperti biasa. Jadi, soal pusat itu kita tengoklah nanti apabila Perdana Menteri membentangkan bajet untuk tahun hadapan dalam bulan Oktober ini, kita akan lihat di manakah kekurangan dan sebagainya dan kita akan fikirkan bagaimana cara dan pendekatan untuk kita mengatasi ataupun berhadapan dengan cabaran tersebut.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Kukup, jemput.

**YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

Masih terdapat lagi taska mahupun pusat jagaan kanak-kanak yang tidak berdaftar. Adakah perkara ini mendapat pemantauan sewajarnya daripada pihak-pihak yang berkenaan?

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih Tan Sri Speaker. Terima kasih juga Yang Berhormat Kukup. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab dalam memantau pendaftaran TASKA dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak di mana pihak TASKA atau pusat jagaan kanak-kanak perlu mendapatkan sokongan 3 agensi teknikal sebelum permohonan pendaftaran dibuat iaitu dari agensi Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan juga Jabatan Kesihatan.

Kebanyakan pengusaha taska dan pengendali pusat jagaan kanak-kanak menjalankan operasi tanpa membuat permohonan pendaftaran terlebih dahulu. Bahagian penguatkuasaan JKM akan membuat pemantauan dan pemeriksaan kepada taska dan pusat jagaan yang tidak berdaftar di bawah Seksyen 20 Akta TASKA 1984 dan Seksyen 16 Akta Pusat Jagaan 1993. Taska dan pusat jagaan perlu berdaftar di bawah Seksyen 4 Akta TASKA 1984 dan Akta Pusat Jagaan 1993. Mana –mana pengusaha dan pengendali yang enggan berdaftar boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau keduanya di bawah Seksyen 5 Akta Pusat Jagaan 1993 dan juga Seksyen 6 Akta TASKA 1984. Pihak JKM yang terdiri daripada pegawai yang diberi kuasa TASKA dan Pusat Jagaan telah melakukan pemantauan dan pemeriksaan untuk memastikan semua TASKA dan juga Pusat Jagaan berdaftar. Antara tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah:

1. Mendakwa taska/pusat jagaan tidak berdaftar di mahkamah.
2. Mengenakan kompaun kepada pengusaha taska ataupun pengendali pusat jagaan.
3. Menyita taska / pusat jagaan yang tidak berdaftar.
4. Membatalkan pendaftaran serta merta sekiranya berlaku kematian kanak-kanak bagi berdaftar ataupun yang tidak berdaftar.

5. Arahan bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada taska/pusat jagaan yang berdaftar tetapi melanggar peraturan yang ditetapkan oleh JKM mengikut Peraturan-Peraturan TASKA 2012 atau Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 2013

Sebelum tindakan penguatkuasaan diambil, pegawai yang diberi kuasa (PDBK) akan mengeluarkan surat peringatan kepada pengusaha TASKA dan pengendali Pusat Jagaan yang tidak berdaftar untuk menghantar permohonan berserta sokongan 3 agensi teknikal dalam tempoh 21 hari. Sekiranya tidak dipatuhi, pegawai terlibat akan membuat laporan penguatkuasaan dan menghantar kepada Pengarah JKM Negeri untuk tindakan penguatkuasaan.

**YB Speaker :** Kukup.

**YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) :** Terima kasih Tan Sri Speaker dan juga kepada Johor Lama yang telah menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya ialah, kalau kita melihat dewasa ini banyak juga sebenarnya Taman Asuhan Kanak-kanak itu tidak didaftarkan. Maksudnya, ia beroperasi secara tidak formal ianya melibatkan kenalan, rakan-rakan ataupun saudara-mara, di mana kepada golongan yang bekerja suami isteri ini menghantar anaknya kepada jiran. Di situlah bermulanya pusat asuhan itu. Bermula dengan seorang, kemudian jiran-jiran lain juga menghantar hingga menjadi, ada yang sampai 10 orang. Dan ini biasanya tidak didaftarkan. Jadi, soalan saya ada tak usaha ataupun kaedah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menjadikan pusat jagaan kanak-kanak yang kecil ini yang kita boleh jadikan sebagai mini taska contohnya yang mana kategorinya lebih rendah daripada taska-taska biasa yang mempunyai premis khusus bangunan kedai, rumah yang disewa khas. Jadi, mini taska ini sebenarnya merupakan kebocoran dalam sistem ekonomi kita pasal pendapatan itu tidak akan masuk dalam pendapatan yang bercukai kerana tidak diisytiharkan. Tapi kalau kita boleh ada kaedah untuk kita mendaftarkan dia, memudahkannya; pertama kita dapat tambahan untuk cukai dan juga sumber ekonomi, kedua kita dapat memastikan kita mengambil pengusaha itu memberikan latihan khusus dan pemantauan khusus. Jadi, mereka mungkin tidak mampu untuk pergi lebih besar tapi cukup sekadar untuk menjaga 5-6 orang. Tapi kalau kita dapat daftarkan mereka ini, saya rasa kita akan dapat meningkatkan kaedah penjagaan kanak-kanak yang lebih teratur, kita dapat memantau dari sudut kebersihan dan sebagainya. Jadi, ada tak cadangan daripada Kebajikan Masyarakat?

**YB Speaker :** Ok, jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat Kukup di atas soalan tambahan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Kukup dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, syarat pendaftaran bagi satu-satu taska ataupun pusat jagaan kanak-kanak sekiranya yang biasa dibuat, biasalah kadang ibu tu dia hantar ke rumah saudara ataupun jiran sebelah. 1 hingga 3 orang kanak-kanak tidak perlu kita daftarkan. Tetapi apabila ia telah pun meningkat kepada 4, sekurang-kurangnya 4 hingga 9, ia memang memerlukan pendaftaran di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan sekiranya pendaftaran ini adalah di rumah, kita kenakan yuran untuk pendaftaran dan dia juga kena mengikut syarat-syarat

pendaftaran yang telah ditetapkan di bawah peraturan perwujudan taska dan juga pusat jagaan. Tapi kalau kira di rumah, fee dia ataupun yuran dia hanya RM50.00, apabila kita mula mendaftar tetapi sekiranya ia dibuat di bawah komuniti ataupun institusi dan juga kerajaan, ianya adalah berjumlah RM250.00. Tetapi syarat-syarat adalah termaktub kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan, khususnya kepada premis, kepada pengasuh, kepada apa ni... kepada jumlah kanak-kanak dan juga ia juga dirujuk kepada 3 jabatan yang telah saya nyatakan tadi. Itu syarat-syarat dia. Dan, sebenarnya kita memang mengalu-alukan dan mengharapkan supaya taska-taska ini didaftarkan supaya boleh membuatkan kita dapat memantau, terlebih lagi dalam keadaan sekarang banyak permasalahan dan juga isu-isu yang berkaitan dengan taska yang sedang kita hadapi sekarang inilah, masalah kanak-kanak, masalah penyakit dan sebagainya. Sebab itu kita mengharapkan supaya bukan sahaja kepada individu tetapi kepada masyarakat setempat itu boleh mewujudkan dan mendaftarkan taska mereka.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Saya difahamkan ada pendaftaran sementara untuk taska ini. Dan, adakah masa tertentu untuk memastikan mereka memenuhi syarat-syarat sepenuhnya sehingga mereka mendapat, mungkin pendaftaran penuh. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita memang menetapkan untuk pendaftaran sebagaimana yang saya nyatakan tadi dengan syarat-syarat tersebut. Dan sekiranya taska tersebut, kita, pendaftaran memang kita buat, tetapi dalam masa 5 tahun Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita perlu mendaftar kembali taska tersebut. Dan, yang dikatakan yang sementara itu sebenarnya dalam proses untuk mendapatkan pendaftaran secara apa tu... khusus kepada taska-taska ini. Tetapi pada saya dan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri, kita mengharapkan supaya apabila hendak membuka sesuatu taska, kita kena memastikan bahawa apa yang ditetapkan untuk pendaftaran mesti dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha taska keseluruhannya.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Penawar, jemput.

**YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Setakat ini, sejauh manakah kajian sumber air bawah tanah dilaksanakan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Penawar telah menanyakan tentang langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan berkaitan Kajian Sumber Air Tanah sama ada kerajaan negeri bersedia untuk melaksanakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kajian Sumber Air Tanah bermula daripada resolusi penganjuran Johor Water Forum yang telah diadakan pada 17 November 2015, meliputi pembentangan 6 kertas kerja. Hasil daripada penganjuran Johor Water Forum

tersebut, 4 resolusi telah dirumuskan untuk pertimbangan kerajaan negeri bagi kelestarian sumber air negeri Johor. Salah satu resolusi yang telah dikemukakan adalah untuk meneroka sumber air alternatif termasuk air tanah dan penuaian air hujan (*rain harvesting*) dengan izin, berskala besar. Untuk mendapatkan asas yang kukuh dalam pembangunan infrastruktur serta operasi air tanah, pihak kerajaan negeri telah bersetuju rujukan perlu dibuat terhadap negara yang telah menguatkuasakan serta mempraktikkan penggunaan air tanah secara mampat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sehubungan itu satu lawatan teknikal ke Wilayah Fukuoka dan Kumamoto, Jepun yang diketuai oleh pihak BAKAJ telah dilaksanakan atau diadakan pada 2 hingga 5 Ogos tahun ini. Bertujuan untuk membuat pemerhatian, mempelajari dan membuat perbandingan tentang perkembangan pembangunan sumber air alternatif untuk dijadikan model pembangunan sumber air, terutamanya sistem air tanah dan diselinesi. Penggunaan air tanah mempunyai potensi yang besar jika kajian dijalankan secara komprehensif dan menyeluruh. Ia boleh menjadi air mentah yang air... sumber air mentah yang baru kepada negeri Johor. Di bandar Kumamoto, dengan penduduk seramai 780,000 orang dibekalkan dengan penggunaan air bawah tanah sepenuhnya. Maka kerajaan negeri Johor dengan kerjasama pakar-pakar air dan juga pihak Japan Water Forum akan melaksanakan kajian menyeluruh mengenai kebolehpayaan penggunaan sumber air tanah sebagai sumber air baru.

Peningkatan permintaan air disebabkan oleh pembangunan serta pencemaran sungai turut meningkatkan keperluan bagi meneroka sumber air alternatif termasuk air tanah dan penuaian air hujan yang berskala besar. Selain daripada kualiti air yang lebih bersih, penggunaan air tanah boleh mengurangkan kemungkinan gangguan air di masa hadapan yang disebabkan oleh kemarau berpanjangan dan perubahan iklim.

Diselinesi merupakan teknologi yang sesuai untuk membekalkan air bersih kepada kawasan pembangunan baru di pantai dan yang jauh dari kemudahan air yang sedia ada. Dengan kemajuan teknologi diselinesi, kos pengeluaran dijangka akan berkurangan pada masa hadapan. Sektor industri merupakan pengguna utama air. Dan permintaan air untuk kegunaan industri dijangka akan terus meningkat. Bagi kawasan pembangunan yang sangat jauh dari punca sumber air seperti pembangunan Forest City, Kerajaan negeri telah mencadangkan supaya dibangunkan usaha sama bagi membina loji penyulingan air laut. Sekiranya projek ini berjaya dilaksanakan, ianya merupakan loji penyulingan air laut yang terbesar di Malaysia. Dengan itu, adalah tepat untuk menggesa pihak industri untuk menjadi lebih inovatif di dalam menguruskan permintaan air dengan melabur untuk teknologi kitar semula *recycling* dan teknologi penggunaan semula *reuse* sumber-sumber air.

Untuk tahun 2017, antara cadangan yang akan dikemukakan oleh pihak BAKAJ adalah bagi menyediakan sumber air alternatif agar gangguan bekalan air yang sering berlaku di daerah Mersing dan Kota Tinggi adalah dengan menggunakan sumber air tanah, dengan melaksanakan pembinaan 4 buah telaga tiub di kawasan tersebut yang dianggarkan melibatkan peruntukan sebanyak RM2 juta. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apakah perancangan untuk menambah kajian sedia ada dalam pencarian ini?

**YB Speaker** : Dah jawab tadi tak, soalan tu? Soalan tu dah dijawab secara menyeluruh tak? Perlu jawapan lagi? Tak tahu Yang Berhormat? Kalau nak jawab, jawablah.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Minta ulang balik Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar)** : Selain daripada penjelasan yang diberi, adakah perancangan lain untuk menambah kajian pencarian air yang ada.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagaimana yang telah dijelaskan secara jelas, secara terang oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi berkenaan dengan air, Kajian Sumber Air Negeri Johor 2010 hingga 2060 adalah satu kajian yang menyeluruh untuk memastikan kelestarian dan kemampunan bekalan air Negeri Johor.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tidak hanya mengambil kajian itu hanya untuk tujuan kajian. Malah pada tahun 2017 ini, Badan Kawalselia Air Johor telah pun mengemukakan beberapa cadangan untuk dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Antaranya ialah melaksanakan skim pemindahan air mentah fasa 2 iaitu daripada Sungai Ulu Sedili Besar ke Empangan Layang dengan kos sebanyak RM300 juta, melaksanakan projek pemindahan air mentah dari Sungai Ulu Sedili Besar ke Sungai Gembut dengan kos sebanyak RM25 juta, melaksanakan projek pemindahan air mentah dari Sungai Lenggong ke Empangan Congok di Mersing dengan kos sebanyak RM50 juta. Yang Amat Berhormat telah pun mengumumkan peruntukan tersebut untuk dilaksanakan pada tahun ini.

Selain daripada itu melaksanakan pembinaan 4 telaga tiub di 4 kawasan di Kota Tinggi dan Mersing, seperti yang saya katakan dengan peruntukan sebanyak RM2 juta, melaksanakan penyelenggaraan kawasan tadahan Empangan Layang Hulu dan Layang Hilir dengan peruntukan sebanyak RM900,000.00, melaksanakan projek pengurusan sistem pemantauan kualiti air di Sungai Johor dengan peruntukan sebanyak RM2.4 juta, melaksanakan pelan pengurusan kawasan tadahan air (*water cashment management plan*) di Sungai Gembut dengan kos sebanyak RM600,000.00, pembelian 2 unit zon untuk membuat pemantauan secara berkala kawasan tadahan air di negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM20,000.00 dan melaksanakan pemetaan udara menggunakan UAV di kawasan tadahan Empangan Linggiu dan cadangan di kawasan Empangan Ulu Sedili Besar dengan peruntukan sebanyak RM1.2 juta.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, air bawah tanah ini selalunya sekiranya diambil berlebihan dia akan mendatangkan impak kepada alam sekitar. Soalan saya, berapakah

simpanan yang kita ada di negeri Johor ini dan berapakah yang dibenarkan untuk diekstrak setiap tahun. Apakah langkah-langkah...

**YB Speaker** : Simpanan air bawah tanah?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Ya. Apakah langkah-langkah...

**YB Speaker** : Yang Berhormat tanya simpanan air bawah tanah? Berapakah simpanan air bawah tanah?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah berlakunya impak kepada alam sekitar?

**YB Speaker** : Jemput Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di Kumamoto, Jepun telah menjadikan sumber air tanah sebagai sumber bekalan air bersih lebih 20 tahun. Mereka pun tak tahu berapa banyak ada air bawah tanah. Jadi, saya kira dengan jelas telah pun dikatakan bahawa kerajaan negeri akan menjalankan kajian untuk mengenal pasti potensi sumber air bawah tanah dan berdasarkan kepada tinjauan secara asas yang dijalankan di beberapa lokasi seperti di Gunung Pulai, di kawasan di Universiti Teknologi Malaysia dan juga di kawasan Tebrau di Johor Bahru, mendapati negeri Johor mempunyai potensi yang begitu luas tentang sumber air tanah ini.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Sungai Abong jemput.

**YB Dr. Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sg. Abong)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan Sungai Muar sebagai satu tarikan baru pelancongan untuk negeri Johor, seperti *waterfront* atau *river cruise*.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memperkasa pembangunan di seluruh negeri Johor khususnya dalam industri pelancongan termasuklah di daerah Muar, Bandar Maharani Bandar DiRaja sebaik sahaja daerah Muar di naik taraf sebagai Bandar DiRaja. Pelbagai aktiviti mempromosi daerah Muar di peringkat daerah dan juga negeri menggunakan sebaik mungkin penaikan taraf tersebut di dalam mengukuhkan daerah Muar sebagai sebuah destinasi yang unik dan kaya dengan sejarah khususnya yang bercirikan keluarga DiRaja Johor. Kedudukan geografi istimewa yang dimiliki oleh daerah Muar iaitu bersempadan dengan negeri Melaka, dilihat perlu diberikan penekanan yang lebih di dalam menarik pelancong untuk datang ke negeri Johor khususnya ke daerah Muar itu sendiri.

Pihak Majlis Perbandaran Muar dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran kini sedang giat menyiapkan sebuah pembangunan baharu iaitu untuk menjadikan Sungai Muar sebagai tarikan utama pelancongan di daerah Muar iaitu dengan mewujudkan *river cruise*, dengan izin. Di persisiran Sungai Muar juga terdapat kekuatan yang tersendiri dari aspek pelancongan iaitu Tanjung Emas yang sudah dikenali ramai khususnya pelancong domestik sebagai kawasan utama aktiviti, rekreasi dan riadah serta mendapatkan makanan-makanan istimewa dan ikonik daerah Muar seperti mee bandung dan asam pedas.

Kerja-kerja pengindahan di kawasan Tanjung Emas juga sedang giat dijalankan di dalam memberikan nilai-nilai tambahan kepada Sungai Muar. Tarikan pelancongan sedia ada yang memberikan kelebihan kepada daerah Muar iaitu aktiviti menyusuri sungai atau *river cruise* antara tarikan dan keindahan yang dapat dilihat oleh pelancong sepanjang perjalanan menyusuri Sungai Muar ini adalah Masjid Jamek daerah Muar dan Masjid kedua yang terletak bertentangan Istana Persinggahan, bangunan Sultan Abu Bakar, Kubu Mentayang, Pekan Rabu Muar, jeti Pengekalan Marin Diraja Malaysia, bangunan Jabatan Kastam dan Eksais Malaysia, Maharani *River Views*, Pengkalan Parit Tiram dan jambatan pertama dan kedua daerah Muar.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jeti Tanjung Emas baharu yang akan menggantikan jeti sedia ada pula dijangka siap pada bulan Oktober dan dijangka akan dirasmikan pada tahun ini. Pembangunan jeti Tanjung Emas yang baharu ini telah dapat disiapkan pada tahap 85%. Dengan wujudnya produk-produk pelancongan luar daripada kebiasaan di daerah Muar ini, saya percaya dapat menarik lebih ramai pelancongan terutamanya pelancong yang datang ke negeri Melaka agar mereka dapat memanjangkan tempoh melancong mereka dengan melancong ke daerah Muar memandangkan keadaan negeri Melaka yang kini sesak dengan limpahan penduduk seterusnya daerah Muar mengambil faedah daripada limpahan pelancong dari serata pelosok yang melancong ke negeri Melaka. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh ( Sungai Abong )** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Sungai Abong, Muar ni terkenal dengan saya rasa sungai yang paling cantik di dalam negara kita ni.

**YB Speaker** : Sungai yang paling cantik?

**YB Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong)** : Pada sayalah. (Dewan ketawa). Tetapi kita *under utilize*, kita kurang menggunakan sungai ni sebagai satu tarikan pelancong. Bila saya sebut tentang *river cruise*, sekarang ini ada *river cruise* seperti Yang Berhormat EXCO nyatakan tadi, iaitu sekadar daripada Tanjung Emas pergi tengok jambatan kedua kemudian balik, sekitar ke 45 minit, pada hal Sungai Muar dia kaya dengan sungai yang panjang dan kaya di sekitar persisiran sungai tu, kampung-kampung tradisional dan kita boleh pergi sampai ke Bukit Kepong.

**YB Speaker** : Sampai ke Pahang.



**YB Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong)** : Ke Pahang tu tak boleh.

**YB Speaker** : Yalah dia...

**YB Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong)** : Maksud saya bila saya cadangkan *river cruise* ini suatu projek pelancongan yang berbeza seperti di Melaka, Melaka kita tahulah sungainya pendek. Tetapi di Muar, saya nak cadangkan adakah pihak kerajaan terbayang bahawa Muar ada satu *river cruise*, yang boleh sampai menyusuri Sungai Muar sampai ke Bukit Kepong daripada pagi hingga ke petang. Siap dengan makanan di atas botnya dan singgah di tiap-tiap jeti di pekan-pekan di sepanjang Sungai Muar tu, balik di sebelah petangnya sebagai suatu tarikan pelancongan yang bertaraf antarabangsa, unik. *River cruise* tradisional, tropikal satu projek yang unik. Jadi, saya rasa sekadar 30 minit ini *river cruise* saya rasa orang Muar pun dah sekali naik, dah tak nak naik lagi. Jadi, saya mintak cadangan *river cruise* biar sampai ke jauh sikit, sampai Bukit Kepong sebagainya.

**YB Speaker** : Jemput Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Terima kasih Yang Berhormat, Sungai Abong. Terima kasih Tan Sri Speaker. Ini adalah cadangan dan pandangan yang baik, memang tetapi pengusaha-pengusaha ini tertakluk kepada pengusaha individu, syarikat persendirian dan memandangkan Yang Berhormat Sungai Abong ada satu idea yang bagus kita terima sambutan yang baik dan kalau Yang Berhormat ada masa-masa yang lebih bolehlah berusaha dan kita akan memberi kerjasama dan sokongan untuk mempromosi dan pasarkan produk kita. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan yang dapat kita jawab pada pagi ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat suka saya mengingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa segala urusan Dewan yang dijalankan adalah berpandukan Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor. Walau bagaimanapun terdapat di kalangan Ahli Dewan Negeri yang membuat rayuan ke atas keputusan-keputusan yang saya ambil seperti penolakan beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri termasuklah terimaan soalan selepas dari tarikh dan masa yang ditetapkan.

Saya faham dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Bilangan 23(1) di mana soalan-soalan perlu dihantar sekurang-kurangnya 14 hari genap terlebih dahulu kepada Jurutulis. Melalui notis yang dikeluarkan oleh Jurutulis pada 8 Ogos 2016, yang juga lebih awal daripada tempoh 21 hari jelas menyatakan bahawa tarikh tutup adalah pada 25 Ogos 2016 jam 3.00 petang. Dan, di bawah Peraturan Tetap 7 (1) juga ada dinyatakan bahawa Speaker boleh menetapkan apa juga hari dan apa juga waktu untuk mengadakan mesyuarat. Notis yang dihantar oleh Jurutulis adalah selaras juga dengan peruntukan dan peraturan yang ada. Oleh yang demikian, rayuan daripada Yang Berhormat Senai tidak dapat saya pertimbangkan termasuklah juga rayuan beliau di bawah Peraturan Tetap Bilangan 23(2).

Sekiranya ada soalan yang ada disenaraikan belum dapat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu)** : Peraturan Tetap Tan Sri Speaker, Peraturan 32(viii) Tan Sri Speaker. Bukit Batu ingin membawa satu usul tergepar di bawah Peraturan 32(viii) berkenaan dengan isu Zika virus yang telah muncul di Johor Bahru. Semalam seorang wanita hamil...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, apa Yang Berhormat?

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu)** : Isu Zika virus, nyamuk, Zika, penyakit Zika di mana semalam seorang wanita yang hamil umur 27 tahun, dari Taman Desa Harmoni, Johor Bahru telah *test* positif menjangkit Zika virus ini. Tan Sri Speaker, saya rasa isu ni adalah satu isu yang sangat penting dan serius dan juga saya rasa ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga ingin mengambil bahagian dalam apa-apa perbahasan usul ini Tan Sri Speaker. Saya rasa, saya percaya usul disokong oleh sekurang-kurangnya 10 orang Ahli Dewan ini.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mengatur notis mesyuarat kita seperti yang kita ada di depan kita ni. Jadi, saya rasa biarlah perkara itu dibahaskan di masa yang lain lah, bukan dalam persidangan ini.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu)** : Tan Sri Speaker, bukannya senang kita dapat kumpul semua Ahli- Ahli Dewan dalam Dewan ini dan kebetulan juga perkara ini berlaku semalam. Kita janganlah lepas peluang yang begitu baik untuk semua Ahli-Ahli boleh mengambil bahagian dalam perbahasan ini Tan Sri Speaker.

**YB Speaker** : Saya dah buat kenyataan bahawa kita tidak dapat nak terima usul ini dalam persidangan ini kerana kita nak habiskan persidangan ini dengan agenda yang telah pun kita tetapkan, jadi...

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram)** : Tapi ini kepentingan untuk rakyat ini, *especially*, khasnya untuk rakyat negeri Johor.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Tan Speaker, ini satu perkara untuk kepentingan awam dan kita berpendapat ia harus dibahas memandangkan penyakit Zika yang semakin apa ni...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Kita sempat lagi telefon EXCO kesihatan nampaknya tak ada hari ini.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Tan Sri Speaker kerana wabak ini...

**YB Speaker** : Jemput duduk, Yang Berhormat semua duduk. Kerajaan negeri pun peka dengan perkara ini. Bukan kerajaan negeri berdiam diri dengan perkara penyakit yang berlaku ni. Kerajaan negeri pun ada tindakan-tindakan yang akan diambillah. Saya begini je lah. Saya adakan undian pada Ahli-Ahli Dewan semua sekali, siapa yang nak menyokong untuk usul ini dibahaskan sekarang, atau undi yang menolak perbahasan usul ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Boleh saya mencelah dari segi Zika ni.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Zika, pasal rakan saya, sahabat saya tak dapat hadir pasal mengerjakan haji. Saya ingin mencelah. Kalau isu Zika ni kita boleh politikkan, sedangkan kerajaan negeri mengadakan pelbagai perkara dan baru-baru ni Yang Berhormat sahabat saya, walau pun dia pergi haji, dia masih menumpukan soal Zika ni dan denggi, kalau perhatikan dalam *statement* akhbar pun ada, jadi kalau kita nak jadikan isu ini sebagai satu perkara yang tidak diperhatikan oleh kerajaan, saya sebagai EXCO Kerajaan Tempatan, tak perlu bagi saya kita mengadakan undi begini untuk kita tangani masalah ini, kerana kita tahu isu ZIKA ini adalah isu nasional yang telah kita tahu secara keseluruhannya.

**YB Speaker :** Ok, Yang Berhormat.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Speaker :** Yang Berhormat, duduk, duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Tan Sri Speaker, Tan Sri Speaker mintak...

**YB Speaker :** Duduklah, apabila Speaker bercakap yang lain duduklah, dengarlah. Sebab itu saya kata bahawa kerajaan negeri pun peka dengan perkara ini dan berbagai-bagai tindakan diambil. Jadi, apabila ada usul nak membahaskan dalam Dewan ini, di luar daripada agenda asal kita, jadi cara beginilah untuk keadilan. Saya adakan undian siapa yang bersetuju kes usul Zika ni dibahaskan sekarang sila angkat tangan. Semua pembangkang datang ya, 18 ya. Siapa ini, tak bersetuju usul ini dibahaskan, sila angkat tangan. Usul untuk dibahaskan itu ditolak dan kita terus kepada agenda kita. Jemput Jurutulis.

**Jurutulis :** Soalan-soalan bertulis. Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita saya maklumkan bahawa Dewan ini mengalu-alukan kehadiran Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, Yang Berhormat Puan S. Thangasvari dan diucapkan tahniah kepada beliau atas lantikan tersebut. Dewan juga mengalukan rombongan daripada pelajar dan guru Pra-Universiti Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Jalil, Kluang, Johor seramai 40 orang dalam Dewan ini.

**Jurutulis :** PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KEDUA TAHUN 2016.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Zika pun kita nak politikkan. (Ketawa) Saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbang Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2016 yang telah dibentangkan

sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2016 dan memperakukan sama ada perancangan itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Tambahan peruntukan pembangunan ini merupakan tambahan yang kedua bagi tahun 2016. Tambahan peruntukan pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM81,318,000.00 di bawah 3 jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM10 juta.
2. Jawatankuasa Agama Islam Negeri Johor, RM37 juta.
3. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor, RM34,318,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

#### **Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM10,000,000.00 Bagi Maksud P.70, Pejabat Menteri Besar Johor; dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM10,000,000.00 bagi menampung keperluan pelbagai projek pembangunan fizikal tambahan yang memerlukan perlaksanaan segera bagi kesejahteraan rakyat.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM37,000,000.00 bagi Maksud P.73, Jabatan Agama Islam Negeri Johor; dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Perkara bagi Maksud Pembangunan P.73, Jabatan Agama Islam Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM37,000,000.00 bagi menampung pembayaran bagi pengambilalihan projek pembangunan 95 unit sekolah-sekolah agama negeri Johor Fasa 1 hingga Fasa 4.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM34,318,000.00 bagi Maksud P.74, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor; dipersetujui.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.74, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM34,318,000.00. Sebanyak RM6,726,000.00 juta diperlukan bagi menampung kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang memerlukan pembaikan segera bagi naik taraf bangunan-bangunan utama kerajaan Negeri seperti Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan dan bangunan-bangunan utama yang lain. Sejumlah RM27,592,000.00 pula diperlukan bagi menampung kerja-kerja pembinaan dan naik taraf bangunan-bangunan kerajaan negeri yang memerlukan pelaksanaan segera.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujui.

**YAB Menteri Besar** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2016 itu telah pun selesai ditimbang, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujui.

#### **Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2016. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu peruntukan wang berjumlah RM81,318,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2016 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini.

Dan dengan itu, mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM81,318,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2016 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujui.

**Jurutulis :** RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 2) TAHUN 2016.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) Tahun 2016 dibacakan kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis** : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa, saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan, saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang kedua bagi perbelanjaan bekalan tahun 2016. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM147,838,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 6 jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor; RM138,820,000.00
2. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor; RM62,000.00
3. Jawatankuasa Agama Islam Negeri Johor; RM6,019,000.00
4. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor; RM1,162,000.00
5. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor; RM1,550,000.00
6. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM225,000.00

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis :** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**YB Speaker :** Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

**Jurutulis :** JADUAL.

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM30,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; RM5,732,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan; RM21,363,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelbagai Perkhidmatan; RM1,220,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Menteri Besar Johor; RM1,688,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor dan RM65,000.00 bagi Maksud B.03, Audit Dalam; jadi sebahagian daripada Jadual rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM30,000.00 bagi menampung perbelanjaan ikhtisas dan perbelanjaan lain yang dibeli serta hospitaliti jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan diperuntukkan sebanyak RM5,732,000.00 bagi menampung perbelanjaan perhubungan dan utiliti.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelbagai Perkhidmatan diperuntukkan sebanyak RM21,363,000.00, sebanyak RM5,165,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan. Sebanyak RM5,430,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan harta modal yang lain manakala selebihnya sebanyak RM10,768,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan pemberian dalam negeri.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Menteri Besar Johor; diperuntukkan sebanyak RM1,220,000.00. Sebanyak RM920,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan, manakala sebanyak RM300,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan pemberian dalam negeri.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Jurutulis Dewan Undangan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM1,688,000.00. Sebanyak RM750,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran elaun tetap jabatan, manakala sebanyak RM938,000.00

diperlukan bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan bagi tahun 2016.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Audit Dalam; diperuntukkan sebanyak RM65,000.00 bagi menampung perbelanjaan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti jabatan tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,028,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Kerajaan Tempatan; RM35,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan diperuntukkan sebanyak RM1,028,000.00. Sebanyak RM26,000 diperlukan bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli serta hospitaliti, manakala sebanyak RM1,002,000.00 lagi diperlukan bagi menampung bayaran caruman bantu kadar ke atas harta-harta kerajaan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan diperuntukkan sebanyak RM35,000.00 bagi menampung bayaran ganjaran kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM62,000.00 bagi Maksud B.03, Hal Ehwat Wanita dan Keluarga; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di bawah Maksud B.03, Hal Ehwat Wanita dan Keluarga diperuntukkan sebanyak RM62,000.00 bagi menampung perbelanjaan pembelian dalam negeri.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM50,000.00, bagi Maksud B.03, Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ); jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Badan Kawalselia Air



Johor (BAKAJ) diperuntukkan sebanyak RM50,000.00 bagi menampung perbelanjaan perjalanan dan sara hidup kakitangan jabatan bagi tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM225,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bawah Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM225,000.00. Sebanyak RM3,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran sumbangan berkanun untuk kakitangan. Sebanyak RM216,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan bagi tahun 2016. Dan sejumlah RM6,000.00 pula diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang meninggal dunia dan bersara pada tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM99,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga DiRaja Johor; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Johor diperuntukkan sebanyak RM99,000.00. Sebanyak RM80,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran elaun lebih masa bagi kakitangan jabatan yang bekerja di luar pejabat. Sejumlah RM19,000.00 pula diperlukan bagi menampung perbelanjaan perhubungan dan utiliti jabatan tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM360,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Perhutanan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19, Jabatan Perhutanan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM360,000.00. Sebanyak RM25,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran elaun lebih masa kepada kakitangan jabatan yang bekerja di luar waktu pejabat. Sejumlah RM335,000.00 lagi diperlukan bagi menampung perkhidmatan dan bekalan jabatan tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM5,479,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama Islam; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM5,479,000.00. Di mana sebanyak RM803,000.00 diperlukan di bawah bahagian pengurusan bagi menampung perbelanjaan bekalan jabatan. Manakala selebihnya, sebanyak RM4,676,000.00 diperlukan di bawah bahagian Pendidikan Islam bagi menampung perbelanjaan perhubungan dan juga utiliti sekolah-sekolah agama termasuk yang baru siap dibina. Pemberian dalam negeri dan program-program pembangunan sekolah agama di Negeri Johor.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,500,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM1,500,000.00 adalah bagi menampung sewaan luar jangka tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,926,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor; dan RM101,318,000.00 bagi maksud B.28, Sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor diperuntukkan sebanyak RM1,926,000.00. Sebanyak RM1,444,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan. Sejumlah RM482,000.00 pula, diperlukan bagi menampung perbelanjaan harta-harta modal yang lain bagi tahun 2016.

Di bawah Maksud Bekalan B.28, Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun diperuntukkan sebanyak RM101,318,000.00 bagi caruman tambahan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan untuk menampung kesemua tambahan peruntukan pembangunan tahun 2016 yang telah diluluskan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tan Sri Speaker, Tan Sri Speaker, Peraturan Mesyuarat 71, berkenaan dengan di bawah Maksud Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun B.28. Dan, saya nampak di sini bahawa peruntukan Bekalan RM101,318,000.00 tetapi dalam pembangunan tambahan bekalan tambahan untuk pembangunan kedua pembangunan hanya RM81,318,000.00 sahaja ini ada macam kelebihan RM20 juta bagi Maksud B.28. Sebab pembangunan untuk kali ini, tambahan yang kedua ialah RM81,318,000.00 sahaja tetapi bagi sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun ialah RM101,318,000.00, saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi penjelasan supaya kita faham apakah, kenapa ada kelebihan RM20 juta. Terima kasih.

**YB Pengerusi :** Penerangan tadi dah diberi Yang Berhormat. Apa masalah lagi.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Bukan, ini saya, sebab ini wang untuk pembangunan.

**YB Pengerusi :** Ok, ok.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** So, perlu ada penjelasan.

**YAB Menteri Besar :** Kita yang pertama tadi, yang kita telah luluskan itu adalah perbelanjaan pembangunan yang dipersetujui. Maknanya, tambahan yang boleh kita belanja RM83 juta lebih yang pertama tadi. Dan, kita di sini RM101 juta kita masukkan sebab kita ada lebih, kita masukkan dalam Kumpulan Wang Berkanun, kita masukkan dan daripada RM101 juta kita akan hanya belanja RM80 lebih. Sebab Kumpulan Wang Berkanun untuk pembangunan kita memang ada defisit.

Setiap tahun kita memang akan masuk dalam Kumpulan Wang Berkanun bagi tujuan pembangunan. Jadi, harap kita faham 2 perkara yang berbeza. Bukan bermakna ada perbezaan, bukan bermakna kalau tadi lulus RM83, sini pun kena lulus RM83. Ini terserah pada kita, kalau kita ada lebih memang kita masuk dalam Kumpulan Wang Berkanun.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tan Sri Speaker, Tan Sri Speaker, saya minta penjelasan bahawa ini ...

**YB Tan Sri Pengerusi :** Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat telah pun dijawab. Kita tak ada pun tahan Yang Berhormat.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tan Sri Speaker, ini saya nampak ada perbezaan yang agak besar ini RM20 juta ini, untuk pembangunan apa? Ini perlu beri butiran yang lebih teliti lagi. Sebab ini ialah wang daripada rakyat.

**YB Pengerusi :** Jemput, jemput.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Ini RM101,318,000.00 ini dia sudah masuk untuk perbekalan ini dia sudah masuk RM20 juta. Itu, itu sebenarnya mesti ada satu butiran

yang lebih jelas lagi. Mana RM20 juta ini, kegunaan RM20 juta ini. Ini perlu satu penjelasan daripada pihak kerajaan.

**YB Pengerusi** : YB kita fahamlah. Ok, ok. Tak payah penjelasan.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini bukan soal peribadi ini soal apa ni, berkenaan dengan kepentingan awam ini, RM20 juta lebih ini. Dan, setahu kita ialah setiap pembangunan, peruntukan untuk pembangunan seharusnya dia, datang daripada perbekalan seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pada Bajet yang lalu. Tetapi ini saya nampak ini ada RM20 juta lebih ini. Ini mesti memberi satu penjelasan. Mana RM20 juta ini, mana pergi dia? RM20 juta ini?

**YB Pengerusi** : YB, YB duduk, duduk.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Sebab pembangunan dia. YB Tan Sri Speaker, saya bukan, bukan nak apa ni, ini bukan soal politik ini mesti satu ketelusan daripada pihak kerajaan.

**YB Pengerusi** : Yalah...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Supaya apa ni penjelasan yang lebih teliti. Butiran-butiran yang lebih teliti lagi. Jangan cuba apa ...

**YB Pengerusi** : YB.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ya.

**YB Pengerusi** : Apa yang dibentangkan ini ialah sifat berterus terang kerajaan.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Sebab tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dia jelas pun tak berapa, tak berapa jelas ni. Tak boleh jawab lagi RM20 juta.

**YB Pengerusi** : Ok, ok, duduk.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Tak apa, duduk, duduk, duduk, duduk. Kita jelaskan kepada orang yang tak faham ini ha. Kesian dia, kesian dia.

**YB Pengerusi** : Duduk, duduk, duduk YB. Duduk, dengar baik-baik, dengar baik-baik penjelasan, duduk. Duduklah.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, seperti yang telah kita katakan, kita ada Kumpulan Wang Berkanun, duit itu tak hilang. Berapa banyak pun kita masukkan, dia akan masuk ke Kumpulan Wang Berkanun. Semua kira-kira itu bila sesi Bajet baru semuanya akan ditunjukkan. Ini hanyalah satu sesi untuk kita dapatkan, bentangkan Bajet Tambahan. Jadi, atas sebab itulah mungkin...

**YB Pengerusi** : Tambahan.

**YAB Menteri Besar** : Tidak ada pun ditunjukkan, tapi kalau kita kata diperuntukkan sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun, Kumpulan Wang Berkanun tidak hilang. Maknanya RM101,000,000.00 diperuntukkan pada situ, daripada jumlah itu saya tidak tahu ada berapa banyak kita ada sekarang, tapi RM80 juta sahaja yang dah diluluskan untuk belanja. Kita tidak boleh belanja lebih daripada itu. Itu sahaja.

**YB Pengerusi** : Faham?

Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM540,000.00, bagi Maksud B.29, Jabatan Kehakiman Syariah jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM540,000.00. Di mana sebanyak RM185,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan jabatan yang baru dilantik, manakala selebihnya sebanyak RM355,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan kontrak jabatan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM54,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM85,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM300,000.00, bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM146,000.00, bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM185,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing dan RM249,000 bagi Maksud B.50, Pejabat Daerah Tangkak, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru, di peruntukkan sebanyak RM2,000.00 bagi menampung bayaran ganjaran kepada kakitangan kontrak jabatan yang disambung perkhidmatannya sehingga tahun 2017. Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM54,000.00. Sebanyak RM4,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan faedah-faedah kewangan yang lain. Manakala selebihnya sebanyak RM50,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kakitangan kontrak jabatan yang bertukar masuk mulai 1 April 2016.

Di bawah Maksud Bekalan B.44 Pejabat Daerah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM85,000.00 bagi menampung bayaran emolumen anggota kontrak yang baru dilantik dan perbelanjaan ikhtisas dan perbelanjaan lain yang dibeli serta hospitaliti jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.45 Pejabat Daerah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM300,000.00. Sebanyak RM160,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kakitangan jabatan tahun 2016 berikutan kenaikan gaji tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Sebanyak RM100,000.00

diperlukan bagi menampung perbelanjaan ikhtisas dan perbelanjaan lain yang dibeli serta hospitaliti jabatan. Sejumlah RM40,000.00 pula diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan jabatan yang telah meninggal dunia dan bersara pilihan.

Di bawah Maksud Bekalan B.46 Pejabat Daerah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM146,000.00. Sebanyak RM58,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kakitangan jabatan tahun 2016 berikutan pertambahan kakitangan baru. Sejumlah RM88,000.00 pula diperlukan bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli serta hospitaliti jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.48 Pejabat Daerah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM185,000.00. Sebanyak RM150,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan tambahan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan tahun 2016. Sejumlah RM35,000.00 pula diperlukan bagi menampung pembelian kenderaan jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Tangkak diperuntukkan sebanyak RM249,000.00. Sebanyak RM94,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kakitangan jabatan berikutan kenaikan gaji tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Sebanyak RM135,000.00 pula diperlukan bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli serta hospitaliti jabatan tahun 2016. Sejumlah RM20,000.00 pula diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan jabatan yang bersara pilihan pada tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM3,233,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian; RM94,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM38,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM50,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM182,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM338,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM107,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulai; dan RM55,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Tangkak; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51 Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM3,233,000.00. Sebanyak RM100,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran elaun lebih masa kepada kakitangan jabatan yang bekerja di luar waktu pejabat. Sejumlah RM3,133,000.00 pula diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan tahun 2016. Di bawah Maksud Bekalan B.52 Pejabat Tanah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM94,000.00. Sebanyak RM70,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran elaun lebih masa kepada kakitangan jabatan yang bekerja di luar waktu pejabat manakala selebihnya sebanyak RM24,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan jabatan yang telah meninggal dunia.

Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, diperuntukkan RM38,000.00 bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan jabatan yang

bersara pilihan pada tahun 2016. Di bawah Maksud Bekalan B.55 Pejabat Tanah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM50,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kakitangan kontrak jabatan berikutan kenaikan gaji tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Ia juga diperlukan untuk menampung perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli serta hospitaliti jabatan tahun 2016.

Di bawah Maksud Bekalan B.56 Pejabat Tanah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM182,000.00. Sebanyak RM65,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kakitangan jabatan tahun 2016 berikutan kenaikan gaji sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Sejumlah RM117,000.00 pula diperlukan bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan tahun 2016. Di bawah Maksud Bekalan B.58 Pejabat Tanah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM338,000.00. Sebanyak RM322,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kakitangan jabatan tahun 2016 berikutan perpindahan masuk pegawai baru ke jabatan. Sejumlah RM16,000.00 pula diperlukan bagi menampung perbelanjaan perjalanan dan sara hidup kakitangan jabatan tahun 2016.

Di bawah Maksud Bekalan B.60 Pejabat Tanah Kulai, diperuntukkan sebanyak RM107,000.00. Sebanyak RM79,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kakitangan jabatan tahun 2016 berikutan kenaikan gaji tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Sejumlah RM28,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan tahun 2016. Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Tangkak diperuntukkan sebanyak RM55,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kakitangan jabatan berikutan kenaikan gaji tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : FASAL 2.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan. Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan. Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa, Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujui tanpa pindaan, maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2016 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis** : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:-

**Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2016.**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Alhamdulillah, selesai sudah Persidangan kita hari ini. Terima kasih diucapkan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan. Sebelum saya tangguhkan persidangan, saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidiladha kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Insya-Allah.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.25 pagi.**



**PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

**Jurutulis**

Cik Shubannah binti Yusuf

**Penolong Jurutulis**

Tuan Haji Mohd. Nazid bin Jasiman

**Koordinator**

Puan Asiah binti Moklis

**Setiausaha Pejabat (Ketua Unit Dewan)**

Puan Norliza binti Md. Aris

**Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd. Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

**Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Mohd. Hassan bin Jamian  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Mohd. Norazri bin Kasim  
Encik Mohd. Sapri bin Manan

**Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Zalinah binti Ali  
Puan Azlin binti Bahrin  
Puan Junaidah binti Paing  
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak  
Puan Rumiah binti Sumirono

**Rakaman**

Encik Nor Risam bin Esa  
Encik Azizan bin Md. Sidi

**Juruaudio Video**

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh

**Juruteknik**

Encik Hazrilzullah bin Ali